



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 DISEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI KELUARKAN 166,769 SURAT KEBENARAN RENTAS DAERAH, NEGERI KETIKA PKP, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE MORE THAN 160,000 TRAVEL LETTERS ISSUED TO AGRICULTURAL OPERATION DURING MCO, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -4 MAFI KELUAR 166,769 SURAT KEBENARAN RENTAS DAERAH, LOKAL, HM -18 166,769 SURAT RENTAS NEGERI, NASIONAL, BH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8.	IKAN ASING MAKAN IKAN TEMPATAN, MUKA DEPAN, SH -1 IKAN PREDATOR MAKAN IKAN MALAYSIA, IKAN ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -2 RAMAI MINAT BELI 'MUNTAH IKAN PAUS', NEGARA, KOSMO -12 AMBERGRIS MUNGKIN AKAN DITAKRIF BAHAN DILINDUNGI, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	6 PELANTAR IKAN MUSNAH, LOKAL, HM -21	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	VILLAGERS ENGAGE IN FRUITFUL ENDEAVOUR, EVENTS, THE STAR -5 IBU TUNGGAL TANAM TERUNG, BANGKIT SEMULA SELEPAS BERCERAI, NEGARA, KOSMO -18 SAYUR HIDROPONIK KURANGKAN BELANJA, DALAM NEGERI, UM -32 IKAN PENDATANG 'KAWAL' SUNGAI KITA, IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -3 HARGA SAYUR, AYAM KEMBALI STABIL, NASIONAL, SH -12 HARGA BARANG: BERI TEKANAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN, DALAM NEGERI, UM -29 PROJEK PERINTIS SAWAH SKUDUK BUAHKAN HASIL, DALAM NEGERI, UM -10 KELANTAN LAHIR 10 JURUTERBANG KENDALI DRON, BULETIN DARUL NAIM, HARAKAH -H20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



16 DEC, 2021

MAFI keluarkan 166,769 surat kebenaran rentas daerah, negeri ketika PKP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI keluarkan 166,769 surat kebenaran rentas daerah, negeri ketika PKP

KUALALUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan 166,769 surat kebenaran merentas daerah dan negeri kepada pengusaha pertanian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelak pembaziran hasil pertanian.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia bagi memudahkan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk berasaskan pertanian.

"Sewaktu PKP dilaksanakan,

aktiviti pertanian telah dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi bagi memastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus untuk kegunaan rakyat Malaysia," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) yang meminta MAFI menyatakan langkah-langkah penyelesaian pemutusan rantaian bekalan sewaktu PKP yang

mengakibatkan pembaziran hasil pertanian.

Ahmad berkata beberapa strategi dilaksanakan bagi mengelak pembaziran hasil pertanian sewaktu PKP termasuk mengadakan Pasar Segar Terkawal sewaktu PKP 1.0 (30 Mac hingga 1 Mei 2020) dan PKP 3.0 (1 Jun hingga 11 Sept 2021).

Beliau berkata strategi lain ialah meningkatkan kecekapan pengedaran melalui kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan

first-mile (ladang pengeluaran kepada hub pengedaran atau pelanggan) dan last mile (hub pengedaran terus kepada pelanggan) seperti Pos Laju, City-Link, Line Clear, Lakmote dan GDEX.

Beliau berkata kerjasama itu memberi pilihan kepada pengeluar untuk mendapatkan perkhidmatan penghantaran pada kos yang lebih rendah. — Bernama

"MAFI turut membuka alternatif pasaran dalam talian melalui portal e-dagang sep-

erti AgroKazaar Online, 'market place' AgroBazaar Malaysia di Shopee, Shop Malaysia Online di LAZADA dan Air Asia Farm. Strategi ini dapat mengurangkan kebergantungan pengeluar terhadap kaedah pemasaran fizikal sahaja," katanya.

Selain itu, katanya MAFI turut menggalakkan aktiviti pemprosesan hasil pertanian menggunakan fasiliti yang disediakan sama ada untuk buah-buahan mahupun produk hiliran. — Bernama



16 DEC, 2021

MAFI keluarkan 166,769 surat kebenaran rentas daerah, negeri ketika PKP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KU AL ALUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan 166,769 surat kebenaran merentas daerah dan negeri kepada pengusaha pertanian se waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelak pembaziran hasil pertanian. Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia bagi memudahkan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk berasaskan pertanian. "Sewaktu PKP dilaksanakan,

aktiviti pertanian telah dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi bagi memastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus untuk kegunaan rakyat Malaysia," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Headline	More than 160,000 travel letters issued to Agricultural operations during MCO		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	16 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	4	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,018
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,055



எம்.சி.ஓ.வின் போது 160,000 பயண கடிதங்கள் விநியோகம்



கூறினார்.

எம்.சி.ஓ அமல்படுத்தப்பட்ட போது விவசாய நடவடிக்கைகள் அத்தியாவசிய சேவைகளாக வகைப்படுத்தப்பட்டதுடன், உணவுப் பொருட்களின் விநியோகத்தில் இடையூறுகள் ஏற்படாததை உறுதிப்படுத்த அந்த துறை செயல்பட அனுமதிக்கப்பட்டது என்று அவர்களேவிநேரத்தின் போது விவரித்தார்.

கோலாலம்பூர், டிச. 16 - விவசாய உற்பத்தி பொருட்கள் வீணாவதை தவிர்க்க நடமாட்டக் கட்டுப்பாட்டு உத்தரவின் (எம்.சி.ஓ) போது விவசாய தொழிலில் ஈடுபட்டிருப்போர் மாவட்டங்களுக்கு இடையேயும் மாநிலங்களுக்கு இடையேயும் பயணங்களை மேற்கொள்ள மொத்தம் 166,769 அனுமதி கடிதங்கள் விநியோகிக்கப்பட்டதாக மக்களவையில் நேற்று தெரிவிக்கப்பட்டது.

விவசாயத்தை அடிப்படையாக கொண்ட உற்பத்தி பொருட்களின் விநியோகத்தையும் சந்தைப்படுத்தலையும் எளிதாக்க கடிதங்கள் வழங்கப்பட்டதாக விவசாய உணவுப் பொருள் தொழில்துறை துணையமைச்சர் டத்தோபூர் அகமட் ஹம்ஸா

பெர்மாத்தாங் பாவ் எம்.பி. நூருல் இஸா அன்வார் (பக்காத்தான்) எழுப்பிய ஒரு கேள்விக்கு அவர் பதிலளித்தார். விவசாய உற்பத்தி பொருட்கள் வீணாக வழிவகுத்த எம்.சி.ஓ.வின் போது உணவுப் பொருள் விநியோகத்தில் ஏற்பட்ட இடையூறுக்கு தீர்வு காண எம்மாதிரியான நடவடிக்கைகள் என நூருல் இஸா கேள்வி எழுப்பியிருந்தார்.

பல்வேறு செயல்திட்டங்கள் அமல்படுத்தப்பட்டதாகக் கூறிய அகமட், எம்சிஓ 1 (2020 மார்ச் 30 மே-1) இன் போதும் எம்.சி.ஓ. 3 (2021 ஜூன் 1-செப்டம்பர் 11) இன் போதும் பசார் செகார் தெர்காவல் போன்ற திட்டங்கள் மேற்கொள்ளப்பட்டதை சுட்டிக்காட்டினார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

Mafi keluar 166,769 surat kebenaran rentas daerah

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengeluarkan 166,769 surat kebenaran merentas daerah dan negeri kepada pengusaha pertanian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelak pembaziran hasil pertanian.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia bagi memudahkan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk berasaskan pertanian.

“Sewaktu PKP, aktiviti

pertanian dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi bagi memastikan rantai bekalan makanan tidak terputus untuk rakyat Malaysia,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan daripada Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) yang

meminta Mafi menyatakan langkah-langkah penyelesaian pemutusan rantai bekalan sewaktu PKP yang mengakibatkan pembaziran hasil pertanian.

“
Sewaktu PKP,
aktiviti pertanian
dikategorikan
perkhidmatan
perlu

Ahmad Hamzah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

166,769 surat rentas negeri

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan 166,769 surat kebenaran merentas daerah dan negeri kepada pengusaha pertanian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelak pembaziran hasil pertanian.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ia bagi memudahkan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk berasaskan pertanian.

“Sewaktu PKP dilaksanakan, aktiviti pertanian telah dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi bagi memastikan rantai bekalan makanan tidak terputus untuk kegunaan rakyat Malaysia,” katanya menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh).

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

16 spesies ikan pendatang ancam habitat ikan sungai di Malaysia

IKAN ASING MAKAN IKAN TEMPATAN



- Ikan tempatan kini semakin terancam akibat perbuatan segelintir individu menyeludup masuk ikan dari luar negara sebagai ikan hiasan tetapi kemudian melepaskannya ke dalam sungai, tasik dan kolam di seluruh negara selepas spesies yang dibela semakin besar.

- Antara spesies ikan asing yang ditemui mengancam habitat ikan tempatan ialah *silver dollar* yang berasal dari sungai di Afrika Selatan, pacu, piranha dan arapaima (Amerika Selatan), sturgeon (Amerika Utara) dan baung ekor merah (Sungai Mekong).

- Jabatan Perikanan Malaysia telah menyenaraikan 16 spesies ikan asing yang dilarang import kerana dikategorikan sebagai karnivor ganas, menjadi punca penyebaran penyakit serta mengganggu keseimbangan ekosistem akuatik negara.

16/12/2021

SINAR
HARIANIKAN ASING
ANCAM SUNGAI
MALAYSIA

2

Ikan predator makan ikan Malaysia

'Penyebab kepupusan habitat asal sungai

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA

Perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir individu yang menyeludup masuk ikan dari luar negara sebagai ikan hiasan tetapi kemudiannya melepaskan ikan tersebut ke dalam sungai, tasik dan kolam di seluruh negara kini mengancam ikan-ikan tempatan.

Tindakan individu terbabit terutamanya dalam kalangan peminat ikan eksotik dikhuatiri membahayakan ekosistem akuatik di Malaysia kerana ikan asing yang juga dianggap sebagai spesies predator akan memakan ikan dan hidupan lain.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Ahmad Tarmidzi Ramly

berkata, jabatannya menyenaraikan sebanyak 16 spesies (genus) ikan pendatang atau sinonim dengan panggilan ikan asing yang dilarang diimport dan tidak boleh dibawa masuk ke dalam negara.

Menurutnya, Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import Dan Sebagainya Bagi Ikan) 1990 telah menyenaraikan senarai genus ikan yang dilarang import, jual, pelihara atau simpan iaitu *Serrasalmus/ Serrasalmo/ Pygocentrus/ Catoprian* (red bellied piranha), *Pygoprits* (lobetoothed piranha), *Colosoma/ Piaractus* (pirana, pacu), *Mylossoma, Mylopus/ Myleus* (silver dollar) dan *Pristobrycon* (piranha, pacu).

Beliau turut menyenaraikan *Myletes, Salmo* (salmon, trout), *Onchorynchus* (salmon, trout), *Cichla* (peacock bass), *Esax* (nothern pike), *Cichlasoma* (flower horn), *Acipenser* (sturgeon), arapaima, *Leptosteus* (alligator gar) serta *Cherax destructor* (yabby, lobster sepi merah).

"Larangan bagi spesies ikan asing dalam peraturan itu adalah atas dasar

sifat ikan terbabit yang dikategorikan sebagai karnivor ganas, traumatogenik dan berbahaya kepada populasi ikan asli tempatan.

"Selain itu, ikan larangan ini juga boleh menjadi faktor kepada penyebaran penyakit serta mengganggu keseimbangan biodiversiti ekosistem akuatik kerana ia akan menjadi pemangsa pada hierarki tertinggi.

"Bila ikan pendatang ini curi-curi dibawa masuk, ia boleh merebakkan penyakit kepada ikan tempatan dan sekiranya ikan tempatan itu dijual di negara luar ia pula akan bawa penyakit ke negara berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian* di Ibu Pejabat DOF, Putrajaya baru-baru ini.

Ahmad Tarmidzi mengakui DOF melihat terdapat peningkatan drastik permintaan untuk membawa masuk ikan hiasan peminat ikan eksotik kerana masing-masing mahu membela ikan yang pelik dan unik.

"Kita ada sistem kawalan di bawah biosekuriti untuk menyemak ikan tersebut sama ada ia boleh dibawa masuk atau tidak. Masalahnya mereka ini tidak isytihar ikan tersebut, maka dengan itu, perlunya kawalan ketat di pintu sempadan bagi memastikan ikan tersebut tidak dibawa masuk sewenang-wenangnya.

"DOF juga telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk memantau kemasukan sedemikian," ujarnya.

Tegasnya, disebabkan spesies itu mendapat pasaran dalam kalangan peminat-peminat ikan hiasan eksotik, ada juga penternak akuakultur yang menternak kerana harga jualan yang menguntungkan.

"Berdasarkan Program Pemantauan

dan Pemeriksaan Ikan Larangan di Premis ikan hiasan dan akuarium, antara penemuan yang diperolehi adalah genus *Cichla* (peacock bass), *Chilasona* (flower horn), *Leptosteus* (ikan kepala buaya), arapaima dan *Colosoma* (pacu).

"Tindakan akan diambil termasuklah rampas dan siasatan sekiranya kesalahan itu dikesan," katanya.

Baug ekor merah

Menjelaskan mengenai punca pelepasan ikan asing di perairan umum, beliau berkata, pada awalnya berkemungkinan daripada industri akuarium apabila ikan yang dibela semakin besar dan tidak boleh diletakkan di dalam akuarium.

"Dengan saiz yang semakin besar, ikan itu kemudian dibuang ke sungai, lombong atau tasik. Sudah ada dua ke tiga sungai di Johor dikatakan banyak spesies *Cherax* (lobster air tawar).

"Apa yang membimbangkan adalah terdapat spesies yang boleh membiak tanpa jantan dan itu yang kita takut hingga pemangsa tempatan tiada sumber makanan," katanya.

Menurut Ahmad Tarmidzi, kebelakangan ini ikan baug ekor merah yang awalnya dibawa masuk ke kolam-kolam pancing rekreasi sebagai tarikan banyak terlepas ke perairan umum akibat banjir atau dilepaskan secara sengaja oleh pihak tertentu.

"Kita risau jika aktiviti ini berlarutan. Sebagai langkah pencegahan, spesies ini sedang kita laksanakan untuk dibawa masuk dalam senarai ikan terlarang atas sebab menjejaskan ekosistem ikan tempatan," katanya.



AHMAD TARMIDZI



Spesies lobster air tawar yang diternak di sungai di Malaysia mortalkakan ikan asli tempatan.



KREDIT: FB NZAM ZAM

Baug ekor merah (ikanan) bersaiz gergasi yang merupakan ikan pendatang beraja ditangkap pemancing.



Ikan keli ekor merah Amazon turut berasal dari luar.

Pengusaha kedai makan terima panggilan bertalu-talu daripada peminat 'emas terapung'

Ramai minat beli 'muntah ikan paus'



AIDA ZURINA (kiri) dan suami, **Anisli Mohd.**, menunjukkan ketulan batuan berlainan yang dipercayai muntah ikan paus di Kemaski, Kemaman semalam.

oleh MOHD. AZLI ADLAN dan NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN - Sebaik sahaja seorang pengusaha kedai makan mendedahkan mengenai penemuan ketulan batuan berlainan dipercayai muntah ikan paus, wanita itu menerima banyak panggilan daripada individu dan pihak yang berminat untuk membelinya.

Aida Zurina Long, 41, berkata, ramai yang berminat untuk membeli muntah paus yang diletarkannya.

Begitupun wanita itu berkata, setakat ini, ketulan batuan berlainan itu masih belum dijual dan berada selamat dalam simpanannya.

"Jabatan Perikanan (Terengganu) telah mengambil sampel objek itu tadi (semalam) untuk dianalisis ketulenan.

"Saya menunggu kata putus jabatan tersebut. Sebenarnya, kalau benar ia muntah ikan paus tulen, saya sedia menjualnya," katanya ketika ditemui Kosmo!



KERATAN Kosmo! semalam.

di kedai makannya di Kemaski di sini semalam.

Aida Zurina menegaskan, dia dan keluarganya mendedahkan penemuan muntah ikan paus tersebut bukan dengan niat untuk memancing pembeli, apatah lagi berangan-angan untuk bergelar jutawan segera.

Sebaliknya, niat asal cuma mahu mengetahui ketulenan objek tersebut sama ada benar atau ambergis ataupun sebaliknya.

"Sebagai orang biasa, kami tidak mempunyai pengetahuan cara untuk mengesahkan ketulenan objek yang dijumpai. Tidak riut pun mahu jadi kaya sekelip mata seperti didakwa netizen di media sosial," katanya.

Aida Zurina tidak mengambil kisah tanggapan negatif segenitir masyarakat berhubung pendedahannya mengenai penemuan objek dipercayai muntah ikan paus tersebut.

Begitupun, dia tidak menolak sekiranya ada pihak mahu menawarkan harga lumayan untuk membeli ketulan batuan berlainan tersebut dan mengangapnya sebagai rezeki yang tidak disangka.

Kosmo! semalam melaporkan, Aida Zurina tidak menyangka mendapat 'rezeki terbijak' apabila menemui objek menyerupai ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus di Marang baru-baru ini.

Dia terjumpa objek itu sewaktu memancing bersama ahli keluarganya berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKJM) Marang pada pukul 11 malam, akhir bulan lalu.

Pada mulanya, Aida Zurina mengalihkan objek terapung berhampiran kawasan memancing mereka ke tebing sungai dengan sebatang kayu kerana menyangkanya sampah.

Ambergis mungkin akan ditakrif bahan dilindungi

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perikanan Terengganu tidak menolak kemungkinan ambergis yang ditemui seorang pengusaha kedai makan boleh ditakrifkan sebagai bahan hidupan marin yang dilindungi.

Jika perkara itu menjadi kenyataan, wanita yang menjumpai muntah paus tersebut tidak akan menjadi seorang jutawan.

Pengerah Perikanan Tereng-

ganu, Ruzaidi Mamat berkata, ikan paus merupakan spesies terancam yang dilindungi dalam Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-peraturan Spesies Ikan Terancam 1999.

"Begitupun, sama ada muntah ikan paus turut terakluk dalam definisi bahan ikan paus masih memerlukan tafsiran yang lebih mendalam.

"Apa pun kita telah mengam-

bil sampel objek yang didakwa muntah ikan paus itu hari ini (semalam) untuk dianalisis ketulenan," kata beliau ketika ditemui Kosmo! semalam.

Ruzaidi berkata, tindakan lanjut terhadap ketulan batu berlainan yang didakwa ambergis itu hanya akan ditentukan selepas keputusan ketulenan bahan itu disahkan.

Dalam perkembangan sama,

beliau menasihatkan orang ramai memaklumkan sebarang penemuan objek di laut termasuk muntah ikan paus kepada Jabatan Perikanan.

"Analisis lanjut perlu dilakukan kerana kita risau ia mungkin siasa gumpalan lain yang berbahaya dan mengancam nyawa.

"Jalan kes ini (penemuan ambergis oleh Aida Zurina Long), kita hanya mengetahuinya dari-

pada laporan media," ujarnya. Ruzaidi berkata, sebelum ini, pihaknya juga tidak pernah menerima sebarang maklumat mengenai penemuan muntah ikan paus di Terengganu.

Begitupun, beliau tidak menolak kemungkinan ia disebabkan penemuan bahan berbahaya yang mencecah jutaan ringgit itu tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.



ANGGOTA bomba bertungkus lumus memadamkan kebakaran di lokasi kejadian.

6 pelantar ikan musnah

Dua bot nelayan serta tiga motosikal turut terbakar

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Enam pelantar ikan termasuk satu dimiliki Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Sungai Baru, Kuala Perlis, di sini musnah dalam kebakaran, jam 1.20 pagi, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kangar Superintendan Wari Kiew berkata, kebakaran bagaimanapun tidak memabitkan kemalangan jiwa.

"Kebakaran dipercayai bermula dari sebuah pelantar ikan milik seorang lelaki dikenali sebagai Jan dan kebakaran itu kemudian merebak ke pelantar ikan bersebelahan kiri dan kanan.

"Dalam kebakaran itu juga, dua bot nelayan persendirian dan tiga motosikal turut musnah selain pukot serta tong ikan yang diletakkan di pelantar ikan berkenaan," kata-

nya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, nilai kerugian tidak dapat dipastikan lagi dan siasatan lanjut diserahkan kepada Unit Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Negeri Perlis.

Sementara itu, Pengarah JBPM Perlis, Penguasa Kanan Bomba 1, Ruhisha Haris berkata, anggota JBPM yang terdiri daripada dua jentera dan satu kenderaan pacuan empat roda dari Balai Bomba Simpang Empat dan Kuala Perlis turut dikerah ke tempat kejadian.

"Selain itu, bantuan jentera turut tiba dari Balai Bomba Kangar bersama seorang pegawai dan 13 anggota.

"Selain itu, dua anggota Bomba Sukarela dari Simpang Empat dan Kuala Perlis turut menyertai kerja pemadaman dan api berjaya dikawal sekitar jam 1.50 pagi," katanya dalam satu kenyataan media.

Punca kebakaran masih di-

“

Kebakaran bermula dari pelantar ikan milik lelaki
Wari

stiasat.

SARAWAK

Villagers engage in fruitful endeavour

Pineapple cultivation helps Iban community in Muara Payang, Sarikei generate income

FERTILE peat soils have enabled the Iban community in Kampung Sumpang in Muara Payang, Sarawak, to become one of the top pineapple producers in the Sarikei district.

To date, almost all 11 families living in the village are involved in the cultivation of the Nanas Sarikei variety.

Among the active pineapple farmers is village chief Sumpang Bayi, 56, who cultivated the crops on their Native Customary Rights (NCR) land, using funds from the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB).

"RM3,000 assistance was provided as start-up capital to buy pineapple suckers or pups which benefited many of us here.

"I have managed to cultivate pineapple on 0.4ha of the total 1.6ha of land, which can produce around 3,000 pineapples per harvest.

"In this village, the harvest season is usually in January or August and the fruits are sold at the Sentral Sarikei Pasar Tani," he said.

Pineapple suckers or pups are plantlets between the leaves of a mature fruit and can be used for growing more fruits.

Sumpang said that although they did not earn much profit as each pineapple was sold for only between RM3.50 and RM7 (depend-

"Currently, villagers here have to rely on a 45-minute boat ride across Sungai Rajang to transport pineapples to Sarikei town."

Ansi Uman

ing on the size), the income covered living expenses of these families.

Counting on the crops' potential to change his life for the better, the village chief is planning to plant 20,000 suckers compared with only 3,500 currently.

Fellow villager, Ansi Uman, 67, also intends to plant more of the fruit because of the high demand for Nanas Sarikei.

However, he admitted that he might have to delay the plan as the area lacked a connecting road



Kampung Sumpang resident Dempki Mujah takes a 45-minute boat ride to get to Sarikei town via Sungai Rajang. The villagers hope a connecting road will be built to improve transportation. — Bernama



Ansi plans to plant more due to the high demand for Nanas Sarikei. — Bernama

between the village and Sarikei town.

"Currently, villagers here have to rely on a 45-minute boat ride across Sungai Rajang to transport pineapples to Sarikei town.

"Therefore, we hope the Jalan Pasi-Tanjong Manis project, which

includes the Batang Rajang bridge announced by the state government, can solve our problem because the proposed road will connect Muara Payang to the surrounding areas and enables us to sell our produce at the local market," said Ansi.

Sarawak government in recent years has promoted Sarikei as "Sarawak's Food Basket" as well as the central zone agropolis centre. The Jalan Pasi-Tanjong Manis project, costing RM321mil, is expected to be completed in 2023. — Bernama



NOOR ZUFFIKA AIDA memungut hasil terung di kebunnya di Kampung Jeram Tekoh, Gua Musang semalam.

Ibu tunggal tanam terung, bangkit semula selepas bercerai

Oleh **AIMUM TUAN LAH**

GUA MUSANG – Seorang ibu tunggal di sini kembali bangkit menjana pendapatan dengan mengusahakan kebun terung selepas gagal dalam perkahwinannya, tiga tahun lalu.

Noor Zuffika Aida Rosgi, 26, yang belajar kaedah menanam melalui YouTube kini mengusahakan 1,400 polibeg pokok terung dan mampu memungut hasil sebanyak 150 kilogram sehari untuk dipasarkan kepada pemborong meskipun baru menceburi bidang itu empat bulan lalu.

Dia yang mesra disapa dengan panggilan Aida berkata, bagi memulakan pertanian menerusi teknologi fertigas itu, dia bermula dengan modal sebanyak RM25,000 selepas membuat pinjaman dengan Amanah Saham Nasional Berhad serta ahli keluarganya.

Katanya, dia akan membersihkan kebun dan mengutip hasil terung bermula pukul 7 pagi setiap hari sebelum memasarkan tanaman itu kepada pemborong di bandar Gua Musang.

"Saya berminat menjadi petani selepas melihat tidak ra-

mai golongan wanita muda dalam bidang pertanian.

"Saya juga bersemangat untuk mencari pendapatan sendiri kerana selepas bercerai, saya banyak bergantung kepada keluarga untuk perbelanjaan harian bersama seorang anak lelaki berusia lima tahun," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Jeram Tekoh di sini semalam.

Menurut Noor Zuffika Aida, harga pasaran terung ketika ini dianggarkan RM3 sekilogram dan dia dijangka menuai hasil terung sebanyak tiga tan metrik pada hujung tahun ini.

Sayur hidroponik kurangkan belanja

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediarutia.com.my

SEREMBAN: Kenaikan harga barang termasuk sayur-sayuran ketika ini sememangnya memberi kesan serta menambahi beban terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan.

Namun di kawasan Ampang dekat sini, beban yang dihadapi oleh golongan tersebut termasuk dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dibantu menerusi pelaksanaan projek Pertanian Pinggir Bandar Hidroponik Nutrient Film Technique (NFT).

Ia merupakan inisiatif Pusat Khidmat Rakyat DUN Ampangan sejak setahun lalu untuk memanfaatkan golongan yang memerlukan bagi mengurangkan kos perbelanjaan sayuran.

Salah seorang penerimanya, Norhani Bakar, 65 dari Kampung Blok B, Ampangan dekat sini berkata, sejak dia memanfaatkan peralatan hidroponik yang dibekalkan tersebut, telah banyak kali dia menuai hasil tanaman sayuran seperti kangkung, sawi dan bayam.



NORHANI Bakar (kanan) bersama Hashinordin Hashim menunjukkan bayam yang ditanam menggunakan teknologi hidroponik di hadapan rumahnya di Kampung Blok B, Ampangan, Seremban. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA

Utusan Malaysia di sini semalam. Sementara itu, Pegawai Khas DUN 1, Pusat Khidmat DUN Ampangan, Hashinordin Hashim berkata, sehingga kini sebanyak 250 set peralatan sistem hidroponik tersebut telah diagihkan kepada penerimanya.

Jelasnya, projek berkenaan dijalankan secara individu dan berkelompok dengan peralatan tersebut diberi secara konsep wakaf iaitu pengguna hanya berhak untuk mendapatkannya jika digunakan dan perlu meringkaskan semula jika tidak menggunakannya supaya dapat dimanfaatkan oleh orang lain.

"Daripada keseluruhan 250 set yang diagihkan, kira-kira 60 faatkan bantuan tersebut sepenuhnya. Alhamdulillah ia banyak membantu penerima-penerima ini malah hasilnya bukan sahaja boleh untuk kegunaan sendiri tetapi juga boleh dijual.

"Selain untuk individu perorangan, bantuan peralatan sistem tanaman hidroponik ini juga diagihkan kepada organisasi seperti rumah anak yatim, surau serta persatuan penduduk dan komuniti," katanya lagi.

sukur yang penting kita minat dan berstungguh-stungguh. Saya juga memang minat bercucuk tanam, sebelum ini saya ada tanaman cili dan sayuran lain di pesu sahaja," katanya ketika ditemui

yur-sayuran ini memang untuk kegunaan sendiri sahaja.

"Memang bersyukur sangat apabila saya diberikan bantuan set peralatan hidroponik ini, untuk menggunakan juga tidak

"Semua tahu harga sayur sekarang agak mahal jadi lebih elok kita tanam, sedikit sebanyak bantuan ini memang mengurangkan perbelanjaan saya sekeluarga. Sa-

yang penting kita minat dan berstungguh-stungguh. Saya juga memang minat bercucuk tanam, sebelum ini saya ada tanaman cili dan sayuran lain di pesu sahaja," katanya ketika ditemui

16/12/2021

SINAR
HARIANIKAN ASING
ANCAM SUNGAI
MALAYSIA

3

Ikan pendatang 'kawal' sungai kita

Oleh MUHAMMAD
AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Ekosistem sungai dan tasik dalam negara kian kritikal akibat pencerobohan ikan pendatang yang mengancam habitat asal.

Mantan Presiden Persatuan Memancing Malaysia (PeMM), Ridzuan Ghazali berkata, kebanyakan ikan pendatang adalah spesies pemangsa dan pelahap terutamanya bagi spesies peacock bass.

Menurutnya, peacock bass hari ini semakin sukar dikawal jumlahnya terutama di kawasan lombong dan tasik hingga menjejaskan ikan asal seperti sebarau dan loma.

"Tkan tempatan kita semakin berkurang dan itu dapat dilihat sendiri di kawasan tasik atau

lombong. Ikan ini adalah pelahap debiannya cepat dan banyak.

"Hari ini kita tengok, kawasan lombong atau tasik ini memang dia (peacock bass) yang 'kawal' biarpun asalnya ikan ini dibawa masuk sebagai ikan hiasan," katanya kepada Sinar Harian.

Tambahnya, selain itu, dapat juga dilihat ancaman ikan pendatang seperti ikan keli Afrika dan baung ekor merah yang jumlahnya semakin meningkat di sungai di Selangor, Perak dan Pahang.

Katanya, malah ada spesies seperti *alligator gar* ditemui di sungai di Perak dan Selangor.

"Sudah tentu ini sangat membimbangkan dan kritikal.

"Ikan asing ini berkembang



RIDZUAN

macam pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Ada Myanmar, R o h i n g y a , I n d o n e s i a . Bagaimana keadaan PATI hari ini? Dan begitulah sama seperti ikan pendatang ini," katanya.

Jelas Ridzuan lagi, dengan jumlah yang semakin merisaukan itu, adalah sukar untuk dikawal pembiakannya dan pada masa sama tasik atau sungai kita telah ketandusan ikan tempatan.

"Mungkin kita boleh tambah benih ikan tempatan di sungai kita untuk mengelakkan spesies asal pupus.

"Tapi ia juga berisiko kerana benih ikan yang kecil ini akan dimakan oleh ikan predator. Cadangan menambah benih ikan ini mungkin ada pro atau kontrainya," ujar Ridzuan.



Seorang memancing menunjukkan ikan pendatang spesies peacock bass yang dikatakannya semakin banyak di tasik dan lombong di seluruh negara.

Harga sayur, ayam kembali stabil

KOTA BHARU - Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang berkuat kuasa pada 7 Disember lalu mula memberi impak positif apabila harga sayur dan ayam kembali stabil selepas naik mencanak sebelum ini.

Timbalan Pengarah (Pencegahan) Bahagian Pengangkutan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Aris Mamat berkata, ia turut dibantu oleh bekalan kedua-dua barangan keperluan harian itu yang semakin

banyak di pasaran ketika ini.

"Hasil pemantauan mendapati mendapati kebanyakan harga sudah turun dan semakin stabil seperti sedia kala," katanya kepada pemberita selepas turun padang membuat pemantauan dan pelaksanaan SHMKM di Pasar Siti Khadijah di sini pada Rabu.

Aris berkata, selain itu kebanyakan peniaga mengikut setuapnya harga yang telah ditetapkan di bawah skim berkenaan.

Menurut beliau, apa yang mengesuktikan ada harga ayam di Pasar

Siti Khadijah dijual pada harga RM7.90 sekilogram berbanding harga kawalan RM9.30.

"Sepanjang pelaksanaan SHMKM bermula 7 Disember hingga Selasa sebanyak 11,474 premis perniagaan melibatkan pemborong dan peruncit telah diperiksa di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu sebanyak RM7,900 kompaun telah dikeluarkan kepada pemborong dan peruncit sepanjang tempoh tersebut. Selain itu, pelbagai barangan runcit bernilai RM1,980 telah disita," katanya.



Arif (dua dari kanan) membuat pemantauan dan pelaksanaan SHMKM di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu pada Rabu.

16/12/2021

UTUSAN
DALAM NEGERI

29

MALAYSIA

Harga barang: Beri tekanan kepada Kerajaan Persekutuan

ALOR SETAR: Kerajaan negeri Kedah diharap dapat membantu memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian terhadap masalah peningkatan harga bahan-bahan keperluan secara mendadak sehingga membebankan golongan B40.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kedah, Mohammed Firdaus Johari berkata, pihaknya berharap Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor dapat menyuarakan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana masalah ini memberikan kesan kepada rakyat.

Menurutnya, memorandum yang sama sebelum ini juga telah dihantar ke Kementerian tersebut oleh AMK Pusat, namun, selepas 10 hari, didapati belum ada sebarang tindakan daripada pihak berkaitan.

"Perkara ini bukan melibatkan kan keparian (politik), tapi



ORANG ramai membeli sayur-sayuran ketika tinjauan harga barang makanan mentah di Pasar Jalan Raja Bot di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

melibatkan seluruh rakyat. Apabila harga barang naik, ia melibatkan keseluruhan rakyat. At. Apabila kita turun ke bawah, ini.

"Sehubungan itu, kami mendesak kalau boleh kerajaan negeri turut memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan

dan KPDNHEP supaya tangani segera isu harga barang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyerahkan memorandum turunkan harga barang di Wisma Darul Aman di sini semalam.

Memorandum tersebut diserahkan kepada Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kedah, Muhammad Mat Yakim.

Mengulas lanjut, Mohammed Firdaus berkata, kerajaan negeri juga boleh mengambil langkah tertentu sekiranya Kerajaan Persekutuan masih lambat mengambil tindakan hingga rakyat semakin menderita dengan kenaikan barang.

Selain itu, tambahnya, Muhammad Sanusi juga boleh mengambil tindakan seperti memberikan insentif khususnya kepada rakyat negeri ini agar mereka tidak terasa terbelan dengan kenaikan harga barang sekiranya masalah tersebut berlanjutan.

Projek perintis sawah Skuduk buahkan hasil

PROJEK perintis tanaman padi di Kampung Skuduk dekat Siburan, Sarawak menunjukkan hasil memberangsangkan, khususnya dalam membantu ekonomi penduduk setempat.

Berikutan kejayaannya, projek itu diperluaskan ke kawasan lain, khususnya melibatkan pengajaran kaedah penanaman padi yang betul.

Projek yang turut mendapat dukungan kaum wanita, mula menuai hasil pertama sejak 2014.

■ SEORANG wanita Bidayuh membancuh racun rumpai di bendang miliknya di Kampung Skuduk, Sarawak.
- UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI



Kelantan lahir 10 juruterbang kendali dron

Oleh
MUHAMMAD ARIF ISMAIL

WALAUPIUN Kelantan bukan negeri berteraskan perindustrian, namun kerajaan negeri terus komited mengindustrikan sektor pertanian yang menyumbang 23 peratus dari Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, satu inisiatif diwujudkan bagi menterjemahkan hasrat itu.

Beliau berkata, kerajaan negeri bercadang mewujudkan pembelian separuh-separuh atau satu per empat bagi membeli teknologi moden seperti dron kerana sesuai dengan peredaran zaman revolusi industri sekarang.

"Kita kena berusaha agar langkah itu dibuat secara berterusan sesuai dengan zaman sekarang, kita jangan tertinggal dengan negeri-negeri lain, Kelantan bukan negeri industri tetapi kita boleh mengindustrikan pertanian.

"Kita merancang beli dron, kalau harganya RM40,000, kita bayar separuh kerajaan separuh, kalau tidak boleh separuh pun satu per empat, yang penting jangan kursus sahaja, tetapi tunda dron," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan

pada kursus perintis juruterbang dron pertanian (ADP) di Pusat Latihan Pertanian al-Falah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) di Wakaf Zin di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Murniwati Mohamad; Pengurus Besar KPKB Mukhlis Mukhtar dan Pegawai Perhubungan Awam Kolej Komuniti Sebak Bernam Selangor, Mohamed Rizal Muhammad Tayyap.

Kerajaan negeri melalui KPKB memperkenalkan Al-Falah Drone Darul Naim (AFDOL) yang berperanan memberi pendedahan dan khidmat nasihat kepada petani dan pihak yang berminat menceburi kerjaya

juruterbang dron pertanian.

Tuan Mohd Saripudin berkata, langkah itu turut meliputi kos mendapatkan lesen penerbangan antara RM7,000 hingga RM8,000.

"Kita menjangkakan seramai 10 juruterbang dron bertauliah bakal dilahirkan.

"Penggunaan teknologi canggih dalam sektor pertanian bertujuan bagi mempertingkatkan hasil keluaran serta mutu yang dapat menandingi kualiti beras import.

"Kalau kita ada semangat dan usaha, kerajaan pun akan membantu. Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi yang dilihat masih



Latihan secara praktikal menggunakan dron.



Peserta kursus pengendalian dron menerima sijil daripada anggota Exco.

rendah berbanding negeri lain," ujarnya.

Menurutnya juga secara purata hasil padi di Kelantan antara empat hingga lima tan metrik bagi satu hektar, sedangkan Kedah enam hingga tujuh tan metrik.

Begitu juga Perlis dan Pulau Pinang juga hasil pengeluaran padi mereka meningkat sekarang. Dan Paling tinggi di Selangor antara lapan hingga 10 tan metrik sehektar.

Menurutnya juga Kelantan terpaksa berhadapan

dengan pengambilan tanah padi sama ada bagi projek pembangunan rumah rakyat dan melaksanakan projek mega seperti lebuh raya termasuk Laluan Reil Pantai Timur (ECRL).

Kata beliau lebih 10,000 hektar tanah sawah di Kelantan terpaksa dikorban bagi tujuan pembangunan.

Bagaimanapun kerajaan negeri komited untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi dengan adanya sistem lebih baik, di samping penggunaan

teknologi.

"Kita mahu hasil padi meningkat, kita juga hilang tanah sawah lebih 10,000 hektar walaupun hilang kita tidak mahu pengeluaran padi turut terjejas dan hasil tidak dapat dipertingkatkan.

"Alhamdulillah hasil padi kita juga meningkat dari setahun ke setahun kerana ada usaha pembajaan, pemuliharaan tanah dan penggunaan teknologi termasuk dron ini mampu mempertingkatkan hasil padi," katanya.



Sebahagian peserta yang menghadiri kursus pengendalian dron pertanian.



Peserta kursus bersama Tuan Saifudin Tuan Ismail.